

NO. SOALAN: 140

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI WEE JECK SENG**  
**[ TANJONG PIAI ]**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan SPAD dalam perkhidmatan dan operasi monorel yang semakin teruk sehingga kekerapan perjalanan mengambil masa 8 minit untuk setiap perjalanan dengan tren 2-gerabak sahaja.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah menjalankan pemantauan secara khusus dan berkala terhadap operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan monorel. Pemantauan ke atas penyelenggaraan dilakukan sekurang-kurangnya 2 kali seminggu dan pemantauan ke atas operasi tren dan stesen dilakukan setiap hari. Di samping itu SPAD juga mengadakan mesyuarat mingguan dengan pihak pengendali kereta api berlesen bagi membincangkan prestasi tren 2-gerabak monorel.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan monorel sedang mengalami gangguan operasi disebabkan oleh penggantungan perkhidmatan tren 4-gerabak oleh pihak pengendali kereta api berlesen di atas sebab-sebab keselamatan.
3. SPAD juga telah menggesa pengendali monorel untuk meningkatkan perkhidmatan sokongan seperti bas perantara dalam menampung kekurangan perkhidmatan monorel buat masa ini. Dalam hal ini, perkhidmatan bas perantara dari jam 7 pagi hingga 9 pagi telah disediakan dari Stesen Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral), Stesen Hang Tuah dan Stesen Chow Kit ke Stesen Raja Chulan. Manakala pada sebelah petang pula, perkhidmatan bas perantara bermula pada jam 5 petang hingga 7 petang dari Stesen Raja Chulan ke Stesen KL Sentral, Stesen Hang Tuah dan Stesen Chow Kit.

Sekian, terima kasih.